PP lwn. RASHIDI ABDULLAH

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDIN BAKI HMR
TENGKU MAIMUN TUAN MAT HMR
ABDUL RAHMAN SEBLI HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: K-09-113-05-2014]
5 MAC 2015

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap pembebasan – Kesalahan di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 – Hakim bicara memutuskan terdapat percanggahan dalam keterangan – Sama ada percanggahan material – Sama ada memudaratkan kes pendakwaan – Sama ada hakim bicara mengambil pendekatan yang terlalu mudah – Sama ada pendekatan salah dan bertentangan dengan prinsip undang-undang*

KETERANGAN: *Kerelevanan – Tingkah laku tertuduh – Tertuduh cuba melarikan diri semasa serbuan – Sama ada tindakan tertuduh relevan – Sama ada keterangan material – Akta Keterangan 1950, ss. 8 & 9*

KETERANGAN: *Saksi – Kebolehpercayaan – Percanggahan dalam keterangan – Kecelaruan dalam kes pembelaan – Sama ada saksi mempunyai motif untuk memberikan keterangan palsu – Sama ada saksi boleh dipercayai*

Satu pasukan polis yang diketuai oleh SP6 telah menyerbu sebuah rumah kepunyaan SP4 setelah menerima maklumat mengenai kegiatan dadah di rumah tersebut. Apabila SP6 memperkenalkan dirinya kepada SP4, dia melihat responden yang berada di dalam rumah berlari ke arah dapur rumah sambil melepaskan satu gumpalan baju sejuk ke atas meja di ruang tamu. Responden berjaya ditangkap dan baju sejuk tersebut diperiksa dan di dalamnya SP6 menjumpai satu bungkusan lutsinar yang mengandungi serbuk ketulan yang kemudiannya disahkan oleh ahli kimia sebagai dadah berbahaya jenis heroin dan monoacetylmorphine seberat 10.4g. Dadah tersebut adalah perkara pertuduhan terhadap responden di bawah s. 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama. Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') telah membebaskan responden di akhir kes pendakwaan atas alasan wujudnya percanggahan-percanggahan dalam kes pendakwaan, antaranya, keraguan sama ada dadah yang dijumpai telah dikeluarkan daripada baju sejuk oleh SP6 atau sama ada ia dikeluarkan sendiri oleh responden. HMS merumuskan bahawa timbul keraguan mengenai isu pemilikan dadah oleh responden. Tidak berpuas hati, pihak pendakwaan merayu kepada Mahkamah Tinggi tetapi rayuan tersebut telah ditolak dan keputusan Mahkamah Sesyen disahkan. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan (menolak rayuan)
Oleh Tengku Maimun Tuan Mat HMR (keputusan majoriti):

(1) Dapatan yang dibuat oleh HMS adalah bersandarkan keterangan yang ada di hadapannya. Percanggahan keterangan saksi-saksi tentang bagaimana dadah dijumpai adalah percanggahan yang material kerana ia

melibatkan isu pemilikan yang merupakan salah satu intipati pertuduhan terhadap responden. Oleh itu, tidak ada sebarang kekhilafan fakta atau undang-undang oleh Hakim Mahkamah Tinggi dalam mengesahkan keputusan HMS. Juga tidak terdapat sebarang salah arah oleh Hakim Mahkamah Tinggi dalam menolak rayuan pihak pendakwaan. (perenggan 14)

Oleh Abdul Rahman Sebli HMR (menentang):

(1) Percanggahan keterangan bermaksud dua keterangan yang bertentangan antara satu sama lain dan bukan apabila keterangan tersebut tidak disokong oleh keterangan lain. Kewujudan percanggahan dalam keterangan saksi tidak semestinya membawa kemudaratan kepada kes pendakwaan. Hanya kerana SP8, pegawai polis yang mengejar dan menangkap responden, tidak menyebut dalam keterangannya bahawa responden melepaskan baju sejuk tersebut ketika melarikan diri tidak bermakna responden tidak berbuat demikian sebagaimana yang disaksikan oleh SP6. (perenggan 25, 26 & 42)

(2) Dapatan oleh HMS, bahawa barang kes yang telah dikemukakan kepada mahkamah adalah barang kes yang sama yang telah dijumpai pada masa, tarikh dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan, adalah pengesahan oleh HMS bahawa bungkusan dadah tersebut dijumpai di rumah SP4. Jika ia diambil kira bersekali dengan keterangan SP6 bahawa baju sejuk tersebut telah dilepaskan oleh responden semasa dia berlari ke bahagian dapur rumah dan keseluruhan keadaan kes, adalah tidak disyaki bahawa dadah tersebut berada dalam milikan responden. Oleh itu, persoalan sama ada dadah tersebut diambil oleh SP6 atau diambil sendiri oleh responden dari dalam baju sejuk tersebut tidak lagi menjadi persoalan yang kritikal sehingga boleh menjejaskan kes pendakwaan. Hakikatnya, bungkusan dadah tersebut dijumpai dari baju sejuk yang dilepaskan oleh responden dan bukan dari tempat lain. (perenggan 34, 35 & 36)

(3) Pendekatan yang terlalu mudah yang diambil oleh HMS dalam memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* kerana terdapat percanggahan antara keterangan SP4 dan SP6 adalah pendekatan yang salah dan bertentangan dengan prinsip undang-undang yang mantap. Pendekatan salah ini telah menyebabkan HMS gagal menilai secara menyeluruh keterangan yang ada di hadapannya untuk menentukan sama ada dadah tersebut berada dalam milikan responden atau sebaliknya semasa serbuan dibuat. (perenggan 37, 38 & 42)

(4) HMS juga gagal mengambil kira perbuatan responden yang cuba melarikan diri ketika serbuan dibuat. Keterangan tingkah laku ini adalah relevan di bawah s. 8 Akta Keterangan 1950 dan perlu dijelaskan oleh responden di bawah s. 9 Akta yang sama. Kegagalan HMS mengambil kira keterangan material ini menimbulkan keraguan serius terhadap ketepatan keputusan membebas dan melepaskan responden di akhir kes pendakwaan. (perenggan 46)

(5) Kes pembelaan sebagaimana yang dizahirkan melalui pemeriksaan balas di peringkat kes pendakwaan adalah bercelaru dan tidak konsisten. Kecelaruan ini menunjukkan bahawa keterangan SP6 adalah keterangan yang benar dan seharusnya diterima oleh mahkamah. Berdasarkan keterangan, jelas bahawa SP6 tidak mempunyai motif untuk memberi keterangan palsu terhadap responden dan dengan itu, tidak ada sebab untuk meragui keterangan SP6 bahawa dia sendiri yang mengambil bungkusan dadah tersebut daripada baju sejuk tersebut. (perenggan 47, 55 & 56)

(6) Sebaliknya, keterangan SP4 mengandungi banyak percanggahan menyebabkan HMS sendiri meragui kredibiliti SP4. Penilaian ini sepatutnya menjadi asas kuat untuk menolak dakwaan SP4 bahawa responden sendiri yang mengeluarkan bungkusan dadah dari baju sejuk tersebut. Oleh itu, HMS khilaf apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap responden. (perenggan 48, 49 & 57)

English *Translation Of Headnotes*

A team of police party led by SP6 raided a house belonging to SP4 upon receiving information on drug activities in the house. When SP6 introduced himself to SP4, he saw the respondent, who was inside the house, running towards the kitchen while letting go a bundle of jacket onto the table in the living room. The respondent was successfully apprehended and the jacket was inspected and inside it SP6 found a transparent packet containing powdery granules which were subsequently confirmed by the chemist to be heroin and monoacetylmorphine types of dangerous drugs weighing 10.4g. The drugs were the subject matter of the charge against the respondent under s. 12(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 punishable under s. 39A(2) of the same Act. At the end of the prosecution's case, the Sessions Court Judge ('SCJ') acquitted the respondent on the grounds that there were discrepancies in the prosecution's case, amongst others, doubt as to whether the drugs found were taken out from the jacket by SP6 or whether it was taken out by the respondent himself. The SCJ concluded that there was doubt on the issue of possession of drugs by the respondent. Dissatisfied, the prosecution appealed to the High Court but the appeal was dismissed and the Sessions Court's decision was affirmed. Hence, the appeal.

Held (dismissing appeal)
Per Tengku Maimun Tuan Mat JCA (for the majority):

(1) The findings by the SCJ were based on the evidence before him. The discrepancies in the witnesses' evidence as to how the drugs were discovered were material discrepancies as it involved the issue of possession which was an ingredient of the charge against the respondent. Therefore, there was no error of fact or law by the High Court Judge in affirming the decision of the SCJ. There was also no misdirection by the High Court Judge in dismissing the prosecution's appeal.

Per Abdul Rahman Sebli JCA (dissenting):

(1) Discrepancies in evidence means two evidence contradicting each other, and not when one evidence is uncorroborated by the other. The existence of discrepancies in the witnesses' evidence need not necessarily cause prejudice to the prosecution's case. Merely because SP8, the police officer who chased and apprehended the respondent, did not mention in his testimony that the respondent had let go the jacket when he was running away, did not mean that the respondent did not do it as witnessed by SP6.

(2) The SCJ's findings that the case material had been adduced before the court was the same case material found at the time, date and place stated in the charge, was a confirmation by the SCJ that the packages of drugs were found in SP4's house. If taken together with the evidence of SP6 that the jacket was let go by the respondent when he ran to the kitchen area of the house and the circumstances of the case as a whole, it was undoubted that the drugs were in the respondent's possession. Therefore, the question as to whether the drugs were taken out by SP6 or by the respondent himself from the jacket was not a critical issue so as to cause prejudice to the prosecution's case. The fact remained that the packages of drugs were discovered from the jacket which the respondent had let go and not elsewhere.

(3) The over simplistic approach taken by the SCJ in deciding that the prosecution had failed to prove a *prima facie* case, as a result of discrepancies in the evidence of SP4 and SP6, was a wrong approach and contrary to the established principles of law. The wrong approach led to the SCJ's failure to scrutinise the evidence before him in its entirety in order to decide whether the drugs were in the respondent's possession or otherwise when raided.

(4) The SCJ also had failed to take into account the respondent's demeanour who had tried to abscond upon raid. The evidence of demeanour was relevant under s. 8 of the Evidence Act 1950 and must be explained by the respondent under s. 9 of the same Act. The SCJ's failure to consider the material evidence raised serious doubts as to the accuracy of the decision to acquit and discharge the respondent at the end of the prosecution's case.

(5) The case of defence as reflected in cross-examination at the stage of prosecution's case was disorganised and inconsistent. The disorganisation showed that the evidence of SP6 was true evidence and ought to have been accepted by the court. Based on the evidence, it was clear that SP6 did not have any motive to give false testimony against the respondent and therefore, there was no reason to doubt SP6's testimony that he had taken the packages of drugs out of the jacket.

(6) On the other hand, SP4's testimony contained many discrepancies which led the SJC himself to doubt SP4's credibility. The scrutiny should have been strong grounds to reject SP4's allegation that it was the respondent

himself who had taken out the packages of drugs from the jacket. Therefore, the SJC had erred in deciding that the prosecution had failed to establish a *prima facie* case against the respondent.

Kes-kes yang dirujuk:
Arab-Malaysian Finance Bhd v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors [2003] 1 CLJ 585 CA ***(dirujuk)***
Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***
Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors [2004] 4 CLJ 309 FC ***(dirujuk)***
Khoon Chye Hin v. PP [1961] 1 LNS 41 HC ***(dirujuk)***
Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 CLJ 19 CA ***(dirujuk)***
Miller v. Minister of Pensions [1947] 2 All ER 372 ***(dirujuk)***
Onassis and Calogeropoulos v. Vergottis [1968] 2 Lloyd's Rep 403 ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
Pie Chin v. PP [1983] 1 CLJ 316; [1983] CLJ (Rep) 703 HC ***(dirujuk)***
PP v. Datuk Haji Harun Haji Idris (No 2) [1976] 1 LNS 184 ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Ali [1962] 1 LNS 129 HC ***(dirujuk)***
PP v. Munusamy [1980] 1 LNS 63 FC ***(dirujuk)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 1 LNS 115 HC ***(dirujuk)***
Sivalingam Periasamy v. Periasamy & Anor [1996] 4 CLJ 545 CA ***(dirujuk)***
Watt or Thomas v. Thomas [1947] AC 484 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, ss. 8, 9

Bagi pihak perayu - Intan Nur Hilwani Mat Rifin; TPR
Bagi pihak responden - Rahamathullah Baharudeen; T/n Rahamat & Mashuri

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Alor Setar; Perbicaraan Jenayah No: 42LB-13-10-2013]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Tengku Maimun Tuan Mat HMR:

[1] Rashidi bin Abdullah (responden) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Alor Setar atas kesalahan berikut:

> Bahawa kamu pada 26.09.2012, jam lebih kurang 6.00 petang, di rumah tidak bernombor, Kg. Bayas, Ulu Melaka, di dalam daerah Langkawi, di dalam Negeri Kedah Darul Aman telah ada di dalam milikan kamu dadah berbahaya iaitu heroin dan monoacetylmorphines seberat 10.4 gram (heroin seberat 7.2 gram dan monoacetylmorphines seberat 3.2 gram) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama.

[2] Pada hari yang dinyatakan di dalam pertuduhan, bertindak atas maklumat, pasukan polis yang diketuai oleh Insp Shahruddin Shah bin Abdul Rahman (SP6) telah membuat serbuan ke atas rumah kepunyaan Mohd Nahar bin Shuhaimi (SP4). Pada masa berkenaan, responden secara kebetulan telah datang ke rumah SP4. Dadah yang menjadi perkara pertuduhan dijumpai di dalam gumpalan baju jaket hitam (eks. P12) di ruang tamu rumah SP4 tersebut.

[3] Mengikut keterangan SP4, eks. P12 telah dibawa oleh responden ke rumahnya. SP4 juga menyatakan bahawa ketika pihak polis naik ke rumah, responden telah melepaskan eks. P12 daripada pegangannya dan responden telah mengeluarkan dadah daripada baju tersebut.

[4] Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) telah membuat dapatan berikut (rekod rayuan: ms. 13):

> Daripada keterangan yang diberikan oleh SP4 saya mendapati bahawa terdapat beberapa percanggahan di dalam keterangan SP4. Berikut ialah percanggahan-percanggahan yang terdapat di dalam keterangan SP4.
>
> (1) Semasa pemeriksaan utama, SP4 memberitahu bahawa setelah OKT masuk ke dalam rumah, OKT terus duduk di atas sofa dan baju iaitu eksibit P12 dipegang oleh OKT. Tapi dalam pemeriksaan balas SP4 memberitahu bahawa beliau hanya nampak OKT masuk ke dalam rumahnya dan dia tidak tahu OKT pergi ke bahagian mana di dalam rumahnya, kerana dia tidak ikut naik dan masih berada di bawah. Jika SP4 tidak tahu OKT pergi ke bahagian mana di dalam rumahnya maka bagaimanakah SP4 boleh tahu OKT duduk di atas sofa dan baju masih dipegang oleh OKT sebagaimana keterangannya dalam pemeriksaan utama.
>
> (2) Di dalam pemeriksaan utama, SP4 menyatakan pihak polis datang dalam masa 5-10 minit selepas OKT sampai tetapi di dalam pemeriksaan balas SP4 memberitahu bahawa OKT sampai lebih kurang dalam tempoh yang sama dengan kedatangan pihak polis, iaitu sebaik sahaja OKT sampai dan masuk ke dalam rumah, van polis pun sampai.
>
> (3) SP4 di dalam pemeriksaan utama menyatakan selepas polis datang, pihak polis telah bersembang dengannya di bawah, tetapi dalam pemeriksaan balas, SP4 memberitahu bahawa polis tidak sembang apa-apapun dengannya, cuma tunjuk kad kuasa dan terus masuk ke dalam rumah. Di dalam report polis (P17), pengadu (SP6) menyatakan polis telah periksa pengenalan diri SP4.
>
> (4) SP4 di dalam pemeriksaan utama mengatakan bahawa selepas polis bersembang dengannya, polis telah naik ke atas rumah dan dia tidak ikut naik sama tetapi semasa pemeriksaan balas SP4 mengatakan beliau telah ikut polis hingga sampai ke pintu rumahnya.
>
> (5) SP4 di dalam pemeriksaan utama memberitahu bahawa beliau tidak nampak apa berlaku kepada OKT kerana beliau berada di bawah. Tetapi dalam pemeriksaan balas beliau memberitahu bahawa beliau nampak dengan jelas OKT telah dipeluk oleh seorang polis dan ditangannya OKT sedang gengam baju.
>
> (6) SP4 dalam pemeriksaan utama memberitahu bahawa beliau tidak nampak polis membuat pemeriksaan ke atas OKT sebaliknya di dalam pemeriksaan balas menyatakan bahawa beliau berada di pintu dan nampak dengan jelas apa yang berlaku ke atas OKT kerana jaraknya dengan OKT cuma 14 kaki sahaja.

(7) SP4 semasa pemeriksaan utama memberitahu bahawa beliau tidak tahu samada terdapat apa-apa barang dijumpai daripada OKT tetapi dalam pemeriksaan balas menyatakan beliau lihat OKT keluarkan barang dari baju.

Setelah meneliti keterangan SP4, saya mendapati terdapat fakta-fakta yang menimbulkan keraguan bahawa dadah yang telah dijumpai di dalam kes ini pada tarikh kejadian adalah kepunyaan OKT.

(1) Berdasarkan laporan polis pengadu (P17) dan keterangan SP6 dan SP8, pihak polis telah membuat serbuan ke atas rumah SP4 berdasarkan maklumat yang diterima. Maklumat tersebut adalah mengenai rumah SP4 tersebut. Inference yang boleh dibuat ialah bahawa barang salah atau dadah wujud di rumah tersebut. SP4 di dalam keterangannya memberitahu bahawa pada hari kejadian selepas OKT sampai, lebih kurang dalam masa yang sama juga pihak polis sampai di rumah beliau. Fakta ini menunjukkan bahawa kehadiran OKT di rumah SP4 pada ketika itu adalah secara kebetulan dengan waktu pihak polis menjumpai dadah di rumah SP4.

(2) Menurut SP4 semasa polis masuk ke dalam rumahnya, beliau tidak ikut sama masuk ke dalam rumah tetapi beliau hanya ikut ke pintu sahaja. Ketika itu SP4 nampak seorang anggota polis terus pergi kepada OKT dan memeluknya. Keterangan SP4 ini menunjukkan bahawa OKT telah ditahan sebelum barang kes dijumpai. SP4 juga memberitahu selepas OKT dipeluk, beliau (SP4) telah dibawa ke bawah untuk pemeriksaan ke atas keretanya. Pemeriksaan ke atas kereta SP4 menunjukkan bahawa SP4 adalah target di dalam serbuan ini memandangkan kereta OKT tidak diperiksa oleh pihak polis walaupun kereta OKT berada di tempat kejadian pada masa itu kerana beliau datang ke rumah SP4 dengan kereta.

[5] HMS juga menimbang keterangan SP6 seperti berikut (rekod rayuan: ms. 22-23):

SP6 mengatakan bahawa beliau telah memeriksa jeket dan mendapati di dalamnya ada satu peket plastik lutsinar mengandungi serbuk dan ketulan yang beliau syaki dadah heroin. Menurut SP6, OKT tidak pernah memegang barang kes itu dan OKT tidak pernah mengeluarkan barang kes tersebut dari baju dan menyerahkannya kepada SP6. Semasa SP6 memeriksa baju/jaket, OKT sedang dibawa dari dapur ke ruang tamu tempat di mana baju itu dikatakan dihempas oleh OKT. Semasa SP6 menjumpai barang kes tersebut, OKT sedang berjalan dari dapur ke tempat SP6 sedang memeriksa barang kes. Tetapi menurut SP4, OKT ialah orang yang telah mengeluarkan barang kes itu dari baju. Keterangan SP4 dan SP6 menunjukkan dengan jelas mengenai percanggahan yang serius di antara keterangan SP6 dan SP4 berkenaan dengan bagaimana barang kes telah dijumpai.

[6] Di ms. 24-25: rekod rayuan, HMS mempertimbangkan keterangan pegawai tangkapan (SP8):

SP8 berkata semasa beliau berada di atas tangga rumah, beliau nampak OKT berada di ruang tamu di rumah tersebut berhampiran sofa dalam keadaan berdiri. Kemudian beliau nampak OKT lari ke ruang dapur rumah

itu. Menurut SP8 beliau nampak kejadian tersebut dengan jelas. Tetapi SP6, sebaliknya mengatakan bahawa semasa OKT berada di ruang tamu beliau telah melepaskan gumpalan jaket hitam dari tangan sebelah kanannya di atas meja di ruang tamu tersebut. Keterangan kedua-dua orang saksi ini didapati bercanggah secara material memandangkan SP8 langsung tidak menyebut bahawa OKT telah melepaskan baju sejuk di atas meja sepertimana yang diberitahu oleh SP6.

Rumusan Mahkamah terhadap keterangan SP4, SP6 dan SP8.

Memandangkan terdapat percanggahan-percanggahan seperti yang telah dinyatakan di atas maka saya mendapati bahawa ia telah menimbulkan keraguan mengenai sama ada dadah tersebut berada di dalam milikan OKT semasa dadah tersebut dijumpai pada masa, tarikh dan tempat yang dinyatakan di dalam pertuduhan. Saya membuat rumusan tersebut berdasarkan alasan-alasan berikut:

1. Rumah di mana dadah tersebut dijumpai adalah rumah yang dihuni oleh SP4.
2. OKT bukan penghuni rumah tersebut dan hanya berada di rumah tersebut tidak lama sejurus sebelum kedatangan pihak polis ke rumah SP4 tersebut.
3. SP4 dan SP8 yang turut berada di tempat kejadian pada masa SP6 mendakwa OKT telah menghempas/melepas jaket hitam di atas meja, langsung tidak menyatakan bahawa mereka ada melihat OKT telah menghempas/melepaskan jaket hitam tersebut sepertimana diberitahu oleh SP6. Sedangkan pada ketika itu SP4 dan SP8 juga dapat melihat dengan jelas apa yang berlaku.
4. Jika sekiranya OKT telah melepaskan jaket hitam di atas meja sepertimana yang diberitahu oleh SP6 maka perbuatan OKT tersebut pasti dapat dilihat oleh SP4 dan SP8. Oleh kerana tiada keterangan daripada SP4 dan SP8 yang mengatakan bahawa mereka juga melihat apa yang dilakukan oleh OKT ketika itu, ini telah menimbulkan keraguan terhadap keterangan SP6.
5. Justeru ia juga telah menimbul keraguan mengenai di manakah sebenarnya dadah tersebut telah dijumpai dan di dalam milikan siapakah ia dijumpai pada masa kejadian.
6. Keterangan SP4 yang mengatakan bahawa kereta beliau telah diperiksa pada masa kejadian menunjukkan bahawa SP4 adalah target di dalam serbuan yang telah dijalankan. Lebih-lebih lagi dadah tersebut telah dijumpai di rumah beliau.

[7] HMS kemudiannya membuat kesimpulan bahawa wujud keraguan mengenai isu pemilikan oleh responden terhadap dadah yang dijumpai. Responden dengan itu telah dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil membela diri. Tidak berpuashati dengan keputusan HMS tersebut, pihak pendakwaan telah merayu kepada Mahkamah Tinggi.

[8] Di Mahkamah Tinggi, pihak pendakwa berhujah bahawa HMS khilaf dalam keputusannya kerana percanggahan yang wujud di dalam keterangan saksi adalah percanggahan yang kecil.

[9] Hakim Mahkamah Tinggi tidak bersetuju dengan hujahan Pendakwa Raya. Di dalam menolak rayuan Pendakwa Raya, Hakim Mahkamah Tinggi menyatakan:

> [6] Apa yang diputuskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah perkara fakta iaitu terdapat percanggahan di dalam keterangan saksi-saksi pendakwa dan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa tidak dapat membuktikan pemilikan. Adalah satu prinsip undang-undang, mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mengubah keputusan fakta yang dibuat oleh hakim perbicaraan kecuali keputusan tersebut dibuat berasaskan salah pertimbangan fakta yang khilaf dan salah arah berlaku. Dalam keadaan tersebut salah arah berlaku Mahkamah Tinggi perlu membetulkannya dan boleh mengubah keputusan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut (*Public Prosecutor v. Abdul Malik bin Marahaji* [1994] 2 CLJ 654).
>
> [7] Persoalan yang timbul ialah adakah keputusan hakim tersebut telah khilaf dan tersalah arah. Bagi menentukan perkara tersebut saya telah meneliti rekod rayuan, termasuk alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen yang terdapat di hadapan saya. Saya dapati dalam penghakiman bertulis beliau Hakim Mahkamah Sesyen telah membuat pertimbangan fakta dan menyentuh tentang percanggahan fakta di dalam keterangan SP4 dan SP6.
>
> [8] Fakta yang hendak dibuktikan oleh pihak pendakwaan di dalam kes ini ialah dadah berbahaya berkaitan yang terkandung di dalam P6 telah dijumpai di dalam gumpalan baju sejuk. ...
>
> [8] (*sic*) Percanggahan keterangan saksi-saksi tidaklah menjadikan keterangan mereka patut ditolak sepenuhnya. Bagaimana pun jika percanggahan tersebut pada perkara-perkara yang material, percanggahan tersebut akan menyebabkan timbul keraguan terhadap keterangan yang dikemukakan. Dalam kes ini adakah terdapat percanggahan tersebut.
>
> [9] Setelah meneliti rekod rayuan saya bersetuju terdapat percanggahan material antara keterangan SP4, SP6 dan SP8. Percanggahan dalam keterangan SP4 dan SP6 tentang sama ada responden yang menyerahkan bungkusan P6 tersebut kepada SP6 atau SP6 yang mengeluarkan bungkusan mengandungi dadah berbahaya tersebut adalah satu percanggahan yang besar yang membawa kepada persoalan yang manakah keterangan; antara keterangan SP4 dan keterangan SP6 yang boleh dipercayai. Percanggahan ini telah membawa kepada soal kebolehpercayaan keterangan saksi tersebut dan dalam keadaan tersebut percanggahan itu telah menimbulkan keraguan sama ada dadah berbahaya tersebut berada di dalam pemilikan responden atau sebaliknya. Intipati pemilikan adalah intipati terpenting yang mesti dibuktikan oleh pihak pendakwa.

[10] Di hadapan kami adalah rayuan Pendakwa Raya yang tidak berpuashati dengan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengesahkan keputusan Mahkamah Sesyen.

Keputusan Kami

[11] Adalah prinsip undang-undang yang mantap bahawa Mahkamah Rayuan hanya campur tangan dalam keputusan mahkamah bawahan jika keputusan yang dibuat oleh mahkamah bawahan itu tidak disokong oleh atau

bertentangan dengan sebarang keterangan atau jika keputusan yang dibuat itu didasarkan kepada suatu fakta atau prinsip undang-undang yang silap (lihat *Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors* [2004] 4 CLJ 309; [2005] 2 MLJ 1; *Sivalingam Periasamy v. Periasamy & Anor* [1996] 4 CLJ 545; [1995] 3 MLJ 395; *Watt or Thomas v. Thomas* [1947] AC 484).

[12] Di dalam kes *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101; [1983] 2 MLJ 232, Mahkamah Persekutuan telah menyatakan di ms. 113-114 (CLJ); ms. 275 (MLJ) bahawa:

> The Privy Council said in *Caldeira v. Gray* that the functions of an appellate court, when dealing with a question of fact, and a question of fact in which questions of credibility are involved, are limited in their character and scope, and that in an appeal from a decision of a trial judge based on his opinion of the trustworthiness of witnesses whom he has seen, an appellate court must in order to reverse, not merely entertain doubts whether the decision below is right but be convinced that it is wrong.

[13] Prinsip yang sama dinyatakan di dalam kes *Public Prosecutor v. Munusamy* [1980] 1 LNS 63; [1980] 2 MLJ 133 di ms. 136:

> Where there have been concurrent findings of fact in the lower courts it should not be made a practice in the appeal court to review these concurrent findings of facts unless it is shown that there was no evidence to support the inferences drawn in the lower courts.

[14] Berbalik kepada rayuan ini, dapatan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah bersandarkan keterangan yang ada di hadapannya. Kami bersetuju dengan mahkamah bawahan bahawa percanggahan keterangan saksi-saksi tentang bagaimana dadah dijumpai adalah percanggahan yang material kerana ia melibatkan isu pemilikan yang merupakan salah satu intipati pertuduhan terhadap responden. Justeru, kami tidak mendapati adanya sebarang kekhilafan fakta atau undang-undang oleh Hakim Mahkamah Tinggi dalam mengesahkan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen. Tidak juga terdapat sebarang salah arah oleh Hakim Mahkamah Tinggi dalam menolak rayuan Pendakwa Raya.

[15] Dalam keadaan itu, kami menolak rayuan Pendakwa Raya. Keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang mengesahkan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen adalah dikekalkan. Oleh kerana penghakiman ini secara draf telah dipersetujui oleh YA Mohtarudin bin Baki tetapi tidak YA Abdul Rahman bin Sebli, penghakiman ini adalah merupakan penghakiman majoriti mahkamah.

Abdul Rahman Sebli HMR:

[16] Responden telah dituduh di Mahkamah Sesyen Alor Setar atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 26.9.2012 jam lebih kurang 6.00 petang, di rumah tidak bernombor, Kg. Bayas. Mk Ulu Melaka, di dalam Daerah Langkawi, di dalam Negeri Kedah Darul Aman, telah didapati dalam milikan kamu

dadah berbahaya iaitu Heroin dan Monoacetylmorphines seberat 10.4 gram (Heroin seberat 7.20 gram dan Monoacetylmorphines seberat 3.2 gram) dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39A(2) Akta yang sama.

[17] Kesalahan ini membawa hukuman penjara seumur hidup atau penjara tidak kurang dari lima tahun dan juga sebatan tidak kurang dari sepuluh kali sebatan. Responden mohon dibicarakan dan diakhir kes pendakwaan telah dibebas dan dilepaskan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana tanpa dipanggil untuk membela diri. Pihak pendakwaan merayu kepada Mahkamah Tinggi Alor Setar tetapi rayuan mereka ditolak. Ini adalah rayuan Pendakwa Raya terhadap keputusan tersebut.

[18] Fakta ringkas kes sebagaimana dikemukakan melalui saksi-saksi pihak pendakwaan adalah seperti berikut. Pada 26 September 2012 jam lebih kurang 6 petang satu pasukan polis yang diketuai oleh Inspektor Shahruddin Shah (SP6) telah menyerbu rumah kepunyaan Mohd Nahar bin Shuhaimi (SP4) setelah menerima maklumat mengenai kegiatan dadah dirumah tersebut. Apabila mereka sampai didepan rumah, SP4 berada di luar rumah manakala responden berada di dalam rumah dan sedang duduk diatas sofa.

[19] SP6 memperkenalkan dirinya kepada SP4 dan dalam masa yang sama beliau nampak responden berlari kearah bahagian dapur rumah sambil melepaskan satu gumpalan baju sejuk ke atas meja di ruang tamu. SP6 mengarahkan Lans Kopral Nazree bin Ismail (SP8) supaya mengejar dan menangkap responden. SP8 bertindak sebagaimana diarah dan berjaya menangkap responden di ruang dapur rumah. Responden kemudian dibawa ke ruang tamu untuk tujuan pemeriksaan.

[20] SP6 memeriksa baju sejuk yang dilepaskan oleh responden dan menjumpai didalamnya satu bungkusan lutsinar (P6) yang mengandungi serbuk ketulan yang kemudiannya disahkan oleh Ahli Kimia Masnura binti Mokhtar (SP2) sebagai dadah berbahaya jenis heroin dan monoacetylmorphines seberat 10.4g. Kedua-dua SP4 dan responden ditangkap dan dibawa ke pejabat Bahagian Siasatan Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi untuk tindakan lanjut.

[21] Dalam rayuan ini pihak pendakwaan mengemukakan satu alasan sahaja, iaitu:

YA Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa terdapat percanggahan yang material di antara keterangan SP4 dan SP6 mengenai samada Responden yang menyerahkan bungkusan P6 kepada SP6 atau SP6 yang mengeluarkan bungkusan dadah tersebut.

[22] Adalah tidak dipertikaikan bahawa satu-satunya sebab mengapa Hakim Mahkamah Sesyen membebaskan responden diakhir kes pendakwaan ialah kerana terdapatnya percanggahan-percanggahan yang dikatakan besar dalam kes pendakwaan. Keraguan yang bermain di minda Hakim Mahkamah

Sesyen ialah, adakah bungkusan dadah yang dijumpai itu dikeluarkan daripada baju sejuk oleh SP6 atau adakah ianya dikeluarkan oleh responden sendiri daripada baju sejuk tersebut? Keraguan ini dizahirkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen di ms. 22 rekod rayuan seperti berikut:

> SP6 mengatakan bahawa beliau telah memeriksa jeket dan mendapati di dalamnya ada satu peket plastic lutsinar mengandungi serbuk dan ketulan yang beliau syaki dadah heroin. Menurut SP6, OKT tidak pernah memegang barang kes itu dan OKT tidak pernah mengeluarkan barang kes tersebut dari baju dan menyerahkannya kepada SP6. Semasa SP6 memeriksa baju/jaket, OKT sedang dibawa dari dapur ke ruang tamu tempat di mana baju itu dikatakan dihempas oleh OKT. Semasa SP6 menjumpai barang kes tersebut, OKT sedang berjalan dari dapur ke tempat SP6 sedang memeriksa barang kes. Tetapi menurut SP4, OKT ialah orang yang telah mengeluarkan barang kes itu dari baju. Keterangan SP4 dan SP6 menunjukkan dengan jelas mengenai percanggahan yang serius di antara keterangan SP6 dan SP4 berkenaan dengan bagaimana barang kes telah dijumpai.

[23] Selain percanggahan ini, satu lagi 'percanggahan' yang disifatkan sebagai percanggahan besar oleh Hakim Mahkamah Sesyen ialah apabila SP8 dalam keterangannya tidak menyebut bahawa responden melepaskan baju sejuk semasa berlari ke bahagian dapur rumah sedangkan SP6 menyatakan demikian. Penilaian Hakim Mahkamah Sesyen mengenai perkara ini boleh dilihat di ms. 24 rekod rayuan dimana beliau menyatakan:

> SP8 berkata semasa beliau berada di atas tangga rumah, beliau nampak OKT berada di ruang tamu di rumah tersebut berhampiran sofa dalam keadaan berdiri. Kemudian beliau nampak OKT lari ke ruang dapur rumah itu. Menurut SP8 beliau nampak kejadian tersebut dengan jelas. Tetapi SP6, sebaliknya mengatakan bahawa semasa OKT berada di ruang tamu beliau telah melepaskan gumpalan jaket hitam dari tangan sebelah kanannya di atas meja di ruang tamu tersebut. Keterangan kedua-dua orang saksi ini didapati bercanggah secara material memandangkan SP8 langsung tidak menyebut bahawa OKT telah melepaskan baju sejuk di atas meja sepertimana yang diberitahu oleh SP6.

[24] Walaupun Hakim Mahkamah Sesyen menganggap percanggahan tersebut sebagai serius, apa yang boleh dirumuskan daripada petikan di atas ialah beliau juga tidak menolak keterangan bahawa bungkusan dadah tersebut sememangnya telah dijumpai dari dalam baju sejuk berkenaan, tinggal lagi siapakah yang mengeluarkannya. Pun begitu agak kurang tepat untuk beliau menyatakan bahawa baju sejuk tersebut "dihempas" oleh responden. Tidak ada seorang saksi pun yang berkata demikian. Yang menggunakan perkataan ini ialah peguam responden ketika memeriksa balas SP6. Sudah tentu ada perbezaan antara perbuatan "menghempas" dan perbuatan "melepas".

[25] Dengan hormat kepada Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana, beliau nampaknya keliru dengan apa yang dimaksudkan dengan percanggahan (contradiction) keterangan. Percanggahan keterangan bermaksud dua keterangan yang bertentangan antara satu sama lain dan bukan apabila keterangan itu tidak disokong oleh keterangan lain. Satu

contoh keterangan yang bercanggah ialah apabila saksi A kata bungkusan itu dipegang oleh tertuduh tetapi saksi B pula kata beg itu tidak dipegang oleh tertuduh. Tetapi kalau saksi B tidak sebut bahawa beg itu dipegang oleh tertuduh, ini bukan satu percanggahan. Peninggalan dalam keterangan saksi B ini hanya bermaksud beliau tidak menyatakannya, dan tidak lebih dari itu. Ia tidak sama sekali bermakna bahawa beg itu tidak dipegang oleh tertuduh sebagaimana disaksikan oleh saksi A.

[26] Begitu jugalah keadaannya dalam kes ini. Hanya kerana SP8 tidak menyebut dalam keterangannya bahawa responden melepaskan baju sejuk tersebut ketika melarikan diri tidak bermakna responden tidak berbuat demikian sebagaimana disaksikan oleh SP6.

[27] Jika tafsiran Hakim Mahkamah Sesyen itu boleh diterima sebagai tafsiran yang betul, maka semua saksi yang dipanggil oleh pihak pendakwaan akan diperlukan untuk memberi keterangan yang sama dalam semua aspek material, jika gagal akan timbullah keraguan dalam kes pendakwaan. Pada pendapat saya ini adalah pendekatan yang salah dalam menilai sesuatu keterangan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak dalam pertikaian.

[28] Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen itu ialah keterangan SP6 tidak disokong (corroborated) oleh keterangan SP8. Jika ini yang dimaksudkan, ia tetap salah kerana dari segi undang-undang-undang keterangan SP6 tidak memerlukan keterangan sokongan (corroboration).

[29] Ekoran daripada pandangan Hakim Mahkamah Sesyen mengenai percanggahan-percanggahan yang beliau anggap besar itu, maka ia telah mendorong beliau untuk membuat rumusan berikut di ms. 24 rekod rayuan:

> Memandangkan terdapat percanggahan-percanggahan seperti yang telah dinyatakan di atas maka saya mendapati bahawa ia telah **menimbul keraguan mengenai sama ada dadah tersebut berada di dalam milikan OKT** semasa dadah tersebut dijumpai pada masa, tarikh dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan.
>
> (penekanan ditambah)

[30] Sebagai hakim fakta, adalah menjadi kewajipan Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana di akhir kes pendakwaan untuk menilai keterangan pendakwaan secara maksimum. Untuk tujuan ini beliau perlulah mengkaji keterangan secara menyeluruh bagi menentukan sama ada benar keterangan SP6 bahawa dadah tersebut telah diambil olehnya dari dalam baju sejuk yang dilepaskan oleh responden. Ini merupakan persoalan fakta yang memerlukan dapatan spesifik oleh mahkamah.

[31] Untuk mencapai matlamat ini, kebenaran tidak akan dapat ditentukan dengan memfokuskan kepada isu percanggahan keterangan semata-mata. Dalam hubungan ini apa yang dinyatakan oleh Thomson KHN dalam kes *Public Prosecutor v. Mohamed Ali* [1962] 1 LNS 129; [1962] 1 MLJ 257 mengenai keterangan saksi polis adalah berkaitan. Ini yang beliau nyatakan:

A Of course if his evidence is contradicted by other evidence or is shaken in cross examination then it becomes the business of the magistrate to decide whether or not it should be accepted.

[32] Dalam kes *Lee Ing Chin & Ors v. Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 CLJ 19 Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) menjelaskan apa yang perlu dilakukan
B oleh seseorang hakim bicara dalam menentukan persoalan-persoalan fakta:

A judge who is required to adjudicate upon a dispute must arrive at his decision on an issue of fact by assessing, weighing and, for good reasons, either accepting or rejecting the whole or any part of the evidence placed before him. He must, when deciding whether to accept or to reject the
C evidence of a witness test it against relevant criteria. Thus, he must take into account the presence or absence of any motive that a witness may have in giving his evidence. If there are contemporary documents, then he must test the oral evidence of a witness against these. He must also test the evidence of a particular witness against the probabilities of the case. A trier of fact who makes findings based purely upon the demeanour
D of a witness without undertaking a critical analysis of that witness' evidence runs the risk of having his findings corrected on appeal. It does not matter whether the issue for decision is one that arises in a civil or criminal case: the approach to judicial appreciation of evidence is the same.

[33] Dalam kes ini, adalah tidak dipertikaikan bahawa baju sejuk tersebut
E adalah baju sejuk yang dibawa oleh responden ke rumah SP4 dan berada dalam kawalannya ketika serbuan dibuat. Juga tidak dipertikaikan ialah fakta bahawa hanya responden sahaja yang berada di dalam rumah tersebut semasa beliau ditangkap oleh SP8.

[34] Berkenaan intipati-intipati penting bagi kesalahan ini, dapatan-dapatan
F fakta yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah seperti di ms. 10 rekod rayuan, seperti berikut:

Berhubung dengan "ingredient" pertama pertuduhan, saya berpuas hati dengan keterangan kes pihak pendakwaan bahawa barang kes yang telah dikemukakan kepada Mahkamah adalah barang kes yang sama yang telah
G dijumpai pada masa, tarikh dan tempat yang dinyatakan di dalam pertuduhan.

Saya juga berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa barang kes tersebut adalah barang kes yang sama yang telah dianalisis oleh SP2. Hasil analisis yang telah dijalankan oleh
H SP2 ke atas barang kes terebut beliau telah mengesahkan bahawa barang kes tersebut ialah heroin seberat 7.2 gram dan monoacetylmorphines seberat 3.2 gram. Heroin dan monoacetylmorphines adalah merupakan dadah yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

I **[35]** Dapatan di perenggan pertama di atas adalah pengesahan oleh Hakim Mahkamah Sesyen bahawa bungkusan dadah tersebut dijumpai di rumah SP4. Jika ini diambil kira bersekali dengan keterangan SP6 bahawa baju sejuk tersebut telah dilepaskan oleh responden semasa beliau lari ke bahagian dapur rumah dan keseluruhan keadaan kes, maka tidak syak lagi bahawa dadah tersebut berada dalam milikan responden.

[36] Dalam keadaan ini, soal sama ada dadah tersebut diambil oleh SP6 atau diambil sendiri oleh responden dari dalam baju sejuk tersebut tidak lagi menjadi persoalan yang kritikal sehingga boleh menjejaskan kes pendakwaan. Hakikatnya ialah, bungkusan dadah tersebut dijumpai dari baju sejuk yang dilepaskan oleh responden dan bukan dari tempat lain.

[37] Malangnya dalam menentukan sama ada satu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen mengambil pendekatan yang terlalu mudah atau over simplistic iaitu, oleh kerana terdapat percanggahan antara keterangan SP4 dan SP6 dan antara keterangan SP6 dan SP8, maka pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie*.

[38] Dengan hormat kepada Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana, pendekatan ini adalah salah dan bertentangan dengan prinsip undang-undang yang mantap, selain tidak selari dengan banyak nas undang-undang. Sebagai contoh dalam kes *Khoon Chye Hin v. Public Prosecutor* [1961] 1 LNS 41; [1961] 1 MLJ 105b di ms. 107 Thomson KHN dalam menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan Malaya pada ketika itu menyatakan seperti berikut:

> If a witness demonstrably tells lies on one or two points then it is clear that he is not a reliable witness and as a matter of prudence the rest of the evidence must be scrutinised with great care and indeed with suspicion. To say, however, that because a witness has been proved a liar on one or two points then the whole of his evidence "must in law be rejected" is to go too far and is wrong.

[39] Konteks kenyataan ini ialah arahan salah yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi kepada para juri, seperti berikut:

> There can be no doubt that on at least two occasions that witness did contradict himself … *If, Gentlemen, you consider that they were two deliberate contradictions, then you reject the whole of the evidence of that witness.* On the other hand, if you think that he was nervous and made a genuine mistake, then his credit still stands. It is entirely a matter for you and puts you back as I see the position to the original proposition I put to you in connection with witnesses: was he telling the truth, or, has he by his contradiction established himself as a liar? If it be the latter, then his evidence must in law be rejected.
>
> (penekanan ditambah)

[40] Dalam kes *Pie Chin v. Public Prosecutor* [1983] 1 CLJ 316; [1983] CLJ (Rep) 703; [1985] 1 MLJ 234 Wan Yahya H dalam nada yang sama menyatakan:

> Discrepancies are no doubt present in this case, as they do ostensibly appear in most cases in evidence of witnesses for the prosecution as well as the defence. The transcripts of most evidence, when thoroughly tooth-combed by any able lawyer, never failed to yield some form of inconsistencies, discrepancies, or contradictions but these do not necessarily render the witness's entire evidence incredible. It is only when

A a witness's evidence on material and obvious matters in the case is so irreconcilable, ambivalent or negational that his whole evidence is to be disregarded.

[41] Satu lagi kes yang berguna untuk dijadikan panduan ialah *PP v. Datuk Haji Harun Haji Idris (No. 2)* [1976] 1 LNS 184; [1977] 1 MLJ 15 di mana B Raja Azlan Shah HMP (sebagaimana Almarhum pada ketika itu) yang mendengar kes selaku Hakim Mahkamah Persekutuan berkata:

> In my opinion discrepancies there will always be, because in the circumstances in which the events happened, every witness does not remember the same thing and he does not remember accurately every C single thing that happened. It may be open to criticism, or it might be better if they took down a notebook and wrote down every single thing that happened and every single thing that was said. But they did not know that they are going to be witnesses at this trial. I shall be most inclined to think that if there are no discrepancies, it might be suggested that they have concocted their accounts of what happened or what had D been said because their versions are too consistent. The question is whether the existence of certain discrepancies is sufficient to destroy their credibility. There is no rule of law that the testimony of a witness must either be believed in its entirety or not at all. A court is fully competent, for good and reasons, to accept one part of the testimony of a witness and to reject the other. It is, therefore, necessary to scrutinize each E evidence very carefully as this involves the question of weight to be given to certain evidence in particular circumstances.

[42] Prinsip yang ditetapkan dalam kes-kes ini membawa maksud bahawa kewujudan percanggahan dalam keterangan saksi atau di kalangan saksi tidak semestinya membawa kemudaratan kepada kes pendakwaan, sebagaimana F pastinya siang akan disusuli malam. Pendekatan salah yang diambil oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam kes ini menyebabkan beliau gagal untuk menilai secara menyeluruh keterangan yang ada di hadapannya untuk menentukan sama ada dadah tersebut berada dalam milikan responden atau sebaliknya semasa serbuan dibuat.

G

[43] Dari segi undang-undang, hanya keraguan munasabah sahaja yang perlu dilayan oleh mahkamah dan bukannya apa sahaja keraguan. Ini ditekankan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *Public Prosecutor v. Saimin & Ors* [1971] 1 LNS 115; [1971] 2 MLJ 16 di mana Sharma H menyatakan:

H

> As the learned magistrate seems to have ignored the very basic principle of criminal law, it may perhaps serve a useful purpose to remind those administering justice in the lower courts that evidence discloses a *prima facie* case when it is such that if uncontradicted and if believed it will be sufficient to prove the case against the accused.

I

> The following definition of "reasonable doubt" is often quoted:
>
> > It is not mere possible doubt, because everything relating to human affairs and depending upon moral evidence is open to some possible or imaginary doubt. It is that state of the case which after

> the entire comparison and consideration of all the evidence leaves the minds of the jurors in that condition that they cannot say they feel an abiding conviction to a moral certainty of the truth of the charge.
>
> It has again been said that "reasonable doubt" is the doubt which makes you hesitate as to the correctness of the conclusion which you reach. If under your oaths and upon the your consciences, after you have fully investigated the evidence and compared it in all parts, you say to yourself I doubt if he is guilty, then it is a reasonable doubt. It is a doubt which settles in your judgment and finds a resting place there." Or as sometimes said, it must be a doubt so solemn and substantial as to produce in the minds of the jurors some uncertainty as to the verdict to be given. A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[44] Maksud keraguan munasabah juga telah diperjelaskan oleh Lord Denning dalam kes *Miller v. Minister of Pensions* [1947] 2 All ER 372 dimana beliau memberi tafsiran berikut:

> Proof beyond reasonable doubt does not mean proof beyond the shadow of a doubt. The law will fail to protect the community if it admitted fanciful possibilities to deflect the course of justice. If the evidence is so strong against a man as to leave only a remote possibility in his favour which can be dismissed with the sentence 'of course it is possible but not in the least probable', the case is proved beyond reasonable doubt, but nothing short of that will suffice.

[45] Dalam memutuskan bahawa terdapat keraguan dalam kes pendakwaan berhubung dengan isu pemilikan, Hakim Mahkamah Sesyen tidak menyatakan sama ada keraguan itu munasabah atau sebaliknya dan jika munasabah bagaimanakah keraguan itu boleh dianggap sebagai munasabah sedangkan keseluruhan keterangan menunjukkan bahawa bungkusan dadah tersebut dijumpai dari dalam baju sejuk yang dilepaskan oleh responden.

[46] Hakim Mahkamah Sesyen juga gagal mengambil kira perbuatan responden yang cuba melarikan diri ketika serbuan dibuat. Keterangan tingkah laku ini adalah relevan di bawah s. 8 Akta Keterangan 1950 dan perlu dijelaskan oleh responden di bawah s. 9 Akta yang sama: *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717; [2008] 6 MLJ 19. Kegagalan Hakim Mahkamah Sesyen mengambil kira keterangan material ini menimbulkan keraguan serius terhadap ketepatan keputusan beliau untuk membebas dan melepaskan responden di akhir kes pendakwaan.

[47] Satu lagi faktor relevan yang tidak diberi pertimbangan sewajarnya oleh Hakim Mahkamah Sesyen ialah peranan SP6 dalam kes ini. Sebagai pegawai polis yang menguatkuasakan undang-undang, beliau hanyalah menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya dan tiada cadangan oleh peguam responden dalam pemeriksaan balas mahupun dalam penghujahan bahawa SP6 mempunyai motif untuk memberi keterangan palsu terhadap

responden. Oleh itu tidak ada sebab untuk meragui keterangan beliau bahawa beliau sendiri yang mengambil bungkusan dadah tersebut daripada baju sejuk yang dilepaskan oleh responden.

[48] Ini berlainan dengan kredibiliti SP4. Melihat kepada alasan penghakiman, adalah jelas bahawa Hakim Mahkamah Sesyen sendiri amat meragui kredibiliti saksi ini kerana terlalu banyak percanggahan dalam keterangannya sepertimana beliau senaraikan di ms. 13 rekod rayuan, seperti berikut:

> Daripada keterangan yang telah diberikan oleh SP4 saya mendapati bahawa terdapat beberapa percanggahan di dalam keterangan SP4. Berikut ialah peranggahan-percanggahan yang terdapat di dalam keterangan SP4.
>
> (1) Semasa pemeriksaan utama, SP4 memberitahu bahawa setelah OKT masuk ke dalam rumah, OKT terus duduk di atas sofa dan baju iaitu eksibit P12 dipegang oleh OKT. Tapi dalam pemeriksaan balas SP4 memberitahu bahawa beliau hanya nampak OKT masuk ke dalam rumahnya dan dia tidak tahu OKT pergi ke bahagian mana di dalam rumahnya, kerana dia tidak ikut naik dan masih berada di bawah. Jika SP4 tidak tahu OKT pergi ke bahagian mana di dalam rumahnya maka bagaimanakah SP4 boleh tahu OKT duduk di atas sofa dan baju masih dipegang oleh OKT sebagaimana keterangannya dalam pemeriksaan utama.
>
> (2) Di dalam pemeriksaan utama, SP4 menyatakan pihak polis datang dalam masa 5-10 minit selepas OKT sampai tetapi di dalam pemeriksaan balas SP4 memberitahu bahawa OKT sampai lebih kurang dalam tempoh yang sama dengan kedatangan pihak polis, iaitu sebaik sahaja OKT sampai dan masuk ke dalam rumah, van polis pun sampai.
>
> (3) SP4 di dalam pemeriksaan utama menyatakan selepas polis datang, pihak polis telah bersembang dengannya di bawah, tetapi dalam pemeriksaan balas, SP4 memberitahu bahawa polis tidak sembang apa-apapun dengannya, cuma tunjuk kad kuasa dan terus masuk ke dalam rumah. Di dalam report polis (P17), pengadu (SP6) menyatakan polis telah periksa pengenalan diri SP4.
>
> (4) SP4 di dalam pemeriksaan utama mengatakan bahawa selepas polis bersembang dengannya, polis telah naik ke atas rumah dan dia tidak ikut naik sama tetapi semasa pemeriksaan balas SP4 mengatakan bahawa beliau telah ikut polis hingga sampai ke pintu rumahnya.
>
> (5) SP4 di dalam pemeriksaan utama memberitahu bahawa beliau tidak nampak apa berlaku kepada OKT kerana beliau berada di bawah. Tetapi di dalam pemeriksaan balas beliau memberitahu bahawa beliau nampak dengan jelas OKT telah dipeluk oleh seorang anggota polis dan ditangannya OKT sedang genggam baju.
>
> (6) SP4 dalam pemeriksaan utama memberitahu bahawa beliau tidak nampak polis membuat pemeriksaan ke atas OKT sebaliknya di dalam pemeriksaan balas menyatakan beliau berada di pintu dan nampak dengan jelas apa yang berlaku ke atas OKT kerana jaraknya dengan OKT cuma 14 kaki sahaja.

(7) SP4 semasa pemeriksaan utama memberitahu bahawa beliau tidak tahu samada terdapat apa-apa barang dijumpai daripada OKT tetapi dalam pemeriksaan balas menyatakan beliau lihat OKT keluarkan barang dari baju.

Setelah meneliti keterangan SP4, saya mendapai terdapat fakta-fakta yang menimbulkan keraguan bahawa dadah yang telah dijumpai di dalam kes ini pada tarikh kejadian adalah kepunyaan OKT.

[49] Penilaian Hakim Mahkamah Sesyen terhadap kredibiliti SP4 ini sepatutnya menjadi asas yang kuat untuk beliau menolak dakwaan SP4 bahawa responden sendiri yang mengeluarkan bungkusan dadah tersebut daripada baju sejuk berkenaan. Malangnya Hakim Mahkamah Sesyen sekali menjadikan isu percanggahan keterangan sebagai mantra untuk memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap responden. Sepertimana dinyatakan awal tadi, ini adalah pendekatan yang salah.

[50] Dari apa yang dinyatakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam peranggan terakhir petikan di atas, bolehlah disimpulkan bahawa tumpuan beliau adalah kepada persoalan sama ada dadah berkenaan milik responden atau milik SP4. Persoalan ini diberikan penekanan sekali lagi di ms. 16 perenggan 2 rekod rayuan apabila beliau merumuskan seperti berikut:

2. Menurut SP4 semasa polis masuk ke dalam rumahnya, beliau tidak ikut sama masuk ke dalam rumah tetapi beliau hanya ikut hingga ke pintu sahaja. Ketika itu SP4 nampak seorang anggota polis terus pergi kepada OKT dan memeluknya. Keterangan SP4 ini menunjukkan bahawa OKT telah ditahan sebelum barang kes dijumpai. SP4 juga memberitahu selepas OKT dipeluk, beliau (SP4) telah dibawa ke bawah untuk pemeriksaan ke atas keretanya. Pemeriksaan ke atas kereta SP4 menunjukkan bahawa SP4 adalah target di dalam serbuan ini memandangkan kereta OKT tidak diperiksa oleh polis walaupun kereta OKT berada di tempat kejadian pada masa itu kerana beliau datang ke rumah SP4 dengan kereta.

[51] Apa yang dimaksudkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah jelas, iaitu dadah tersebut kemungkinan besar adalah kepunyaan SP4 dan bukannya kepunyaan responden. Ini merupakan satu salah arah yang serius kerana isu dalam kes ini bukanlah sama ada dadah tersebut kepunyaan responden atau SP4 tetapi sama ada responden mempunyai milikan keatasnya.

[52] Jika dilihat dari segi hala tuju pemeriksaan balas, kes pembelaan ialah bungkusan dadah tersebut dijumpai dari dalam beg berwarna kelabu yang diambil dari bilik SP4 dan bukannya dari baju sejuk yang dibawa oleh responden. Ini jelas daripada soalan-soalan berikut yang diajukan kepada SP6 di ms. 115 rekod rayuan:

Dan ketika itu apabila kamu masuk ke dalam rumah, kamu telah membawa suspek yang bernama Nahar masuk ke dalam satu bilik rumah tersebut, setuju?

Ya.

Dan kamu bawa Nahar itu untuk melakukan geledahan di dalam bilik?

Ya.

A Dan selepas geledahan dibuat kamu telah membawa keluar satu bungkusan beg berwarna kelabu dari dalam bilik tersebut?

Tidak setuju.

Dan seterusnya kamu telah membawa dan membuka beg tersebut di hadapan Nahar dan OKT yang berada di dapur?

B

Tidak setuju.

Dan selepas dibuka beg itu kemudian barang kes atau heroin telah dijumpa dalam beg tersebut?

Tidak setuju.

C

[53] Jadi, versi kes pembelaan mengenai kejadian ini ialah, dadah tersebut dijumpai dari dalam beg warna kelabu kepunyaan Nahar (SP4) dan bukannya dari dalam baju sejuk kepunyaan responden. SP4 turut disoal berkenaan perkara ini tapi menafikannya (ms. 91):

D Dan selepas 5 minit Tuan Shah sampai bersama kamu, Tuan Shah bersama kamu telah masuk ke dalam bilik?

Tidak setuju.

Dan selepas masuk, Tuan Shah telah membawa keluar satu bungkusan beg berwarna kelabu?

E

Tidak setuju.

Dan tuan Shah telah membuka beg itu di dapur di tempat OKT digari di hadapan kamu dan juga di hadapan OKT?

Tidak setuju.

F Dan apabila dia buka, dia telah jumpa barang kes yang menjadi subjek matter dalam kes ini?

Tidak setuju.

[54] Satu lagi perkara yang sepatutnya diambil kira tetapi tidak diambil kira oleh Hakim Mahkamah Sesyen ialah, dalam pemeriksaan balas tidak pernah dikatakan atau dicadangkan kepada SP6 bahawa dadah tersebut diserahkan kepadanya oleh responden. Sebaliknya versi kes pembelaan kalau diteliti daripada soalan-soalan dalam pemeriksaan balas berikut (ms. 116-117) ialah dadah tersebut dijumpai dari bilik SP4 dan bukannya dari dalam baju sejuk milik responden:

G

H

Saya katakan kepada kamu barang kes tersebut tidak pernah pun dijumpai di dalam baju sejuk tersebut?

Tidak setuju.

Dan saya katakan bahawa kamu sendiri tidak pernah menjumpai barang kes itu di dalam baju itu?

I

Tidak setuju.

Saya katakan barang kes yang dijumpai ini tidak ada kaitan langsung dengan OKT dalam kes ini?

Tidak setuju.

Saya katakan OKT dalam kes ini tidak mempunyai pengetahuan ataupun pemilikan ekslusif terhadap barang kes tersebut?

Tidak setuju.

Ini kerana barang kes tersebut telah dijumpai di dalam bilik rumah milik Nahar?

Tidak setuju.

[55] Jelas bahawa kes pembelaan sebagaimana dizahirkan melalui pemeriksaan balas di peringkat kes pendakwaan adalah bercelaru dan tidak konsisten. Sekejap dikatakan dadah tersebut dijumpai dari dalam beg berwarna kelabu, sekejap dari dalam bilik SP4 dan sekejap lagi dikatakan responden tidak mempunyai milikan eksklusif keatasnya.

[56] Dari segi undang-undang apa yang di 'put' oleh peguam kepada saksi dalam pemeriksaan balas yang ada kaitannya dengan pembelaan tertuduh adalah dianggap sebagai arahan daripada tertuduh, dan bukan idea peguam sendiri. Peguam tidak ada hak untuk "go on a frolic of his own" dalam perkara ini. Kecelaruan ini menunjukkan bahawa keterangan SP6 adalah keterangan yang benar dan seharusnya diterima oleh mahkamah.

[57] Atas alasan-alasan di atas, saya mendapati bahawa Hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap responden. Dalam memutuskan sedemikian saya berpandu kepada kenyataan Lord Pearce dalam kes *Onassis and Calogeropoulos v. Vergottis* [1968] 2 Lloyd's Rep 403 at p. 430 yang diterima pakai oleh mahkamah ini dalam kes *Arab-Malaysian Finance Bhd v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2003] 1 CLJ 585 seperti berikut:

> The function of a Court of Appeal is to set aside a judgment that should not be allowed to stand because it occasions a substantial wrong or miscarriage of justice. That wrong or miscarriage of justice may consist of a judgment in favour of the wrong party. It may also consist of a failure in the judicial process to which both parties are entitled as of right, namely, the weighing of their respective cases and contentions. Such failure may constitute a wrong or miscarriage of justice even though it may appear that the appellant may in the end fail to secure a judgment in his favour: but the fact that the right party seems to have succeeded in the court below will naturally make a Court of Appeal extremely reluctant to interfere, and it would only do so in the rarest cases. Such matters are questions of degree.

[58] Oleh yang demikian saya perintahkan supaya perintah pembebasan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Sesyen diketepikan dan digantikan dengan perintah supaya responden dipanggil untuk membela dirinya di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen yang sama.